

## **BAB 10 - PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**

### **10.1 Pengertian Kemerdekaan**

- 1 Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita.**

**Apakah yang anda faham tentang erti kemerdekaan?**

|               |  |
|---------------|--|
| <b>Bebas</b>  | Merdeka membawa erti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing.                            |
| <b>Tentu</b>  | Merdeka juga bererti bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara.                       |
| <b>Jajah</b>  | Takrif kemerdekaan menurut Kamus Dewan ialah bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan. |
| <b>Daulat</b> | Negara yang merdeka juga bermakna negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi.      |

- 2 Siapakah tokoh luar negara yang telah memberikan takrif kemerdekaan?**

Sayyid Jamal al-Din al-Afghani  
Rashid Rida  
Mahatma Gandhi  
Nelson Mandela  
Soekarno

- 3 Mahatma Gandhi, tokoh pejuang kemerdekaan India yang memperjuangkan pembebasan rakyat India daripada belenggu kemiskinan dan penindasan kasta.**

**Apakah erti kemerdekaan menurut Mahatma Gandhi?**

|                |  |
|----------------|--|
| <b>Rangkum</b> | Mahatma Gandhi mengatakan bahawa kemerdekaan perlu merangkumi politik, ekonomi dan moral.                      |
| <b>Berhak</b>  | Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni. |

- 4 Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan sendiri bentuk dan hala tuju negara tanpa pengaruh kuasa luar**

**Bagaimanakah anda mengisi kemerdekaan negara kita supaya kekal berdaulat?**

**Kemukakan alasan anda.**

|                   |   |
|-------------------|---|
| <b>Taat setia</b> | Taat setia kepada raja dan negara – menyokong dasar-dasar kerajaan – menghargai sumbangan tokoh-tokoh negara                                |
| <b>Pelihara</b>   | Memelihara keamanan – mematuhi undang-undang – hidup bersatu padu – menjadi warganegara patriotik   |
| <b>Sokong</b>     | Menyokong ekonomi negara - menggunakan barangan buatan Malaysia – meningkatkan pendapatan negara – menjamin kelangsungan pembangunan negara |
| <b>Jaga</b>       | Menjaga maruah dan imej negara – masyarakat berminda kelas pertama – bersikap rasional dan matang – bijak menilai dan membuat keputusan     |

- 5 Beberapa tokoh luar negara telah memberikan takrif kemerdekaan.**

**Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Rashid Rida merupakan tokoh gerakan Pan-Islamisme di Mesir.**

**Apakah erti kemerdekaan pada pandangan mereka?**

**(i) Sayyid Jamal al-Din al-Afghani**

|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Semangat</b> | Perjuangan bagi menghadapi penjajah hendaklah disertai semangat kebangsaan (jinsiyyah) dan cinta akan tanah air yang merdeka (wataniyyah).                  |
| <b>Bersatu</b>  | Beliau yakin, rakyat perlu membebaskan diri daripada pencerobohan pihak luar dengan bersatu padu bagi mempertahankan maruah diri, bangsa, agama dan negara. |

**(ii) Rashid Rida**

**Bebas diri** Kedaulatan dan kekuatan sesebuah negara adalah untuk membebaskan diri daripada penjajah Barat.

**Khalifah** Baginya, kedaulatan sesebuah negara adalah dengan menghidupkan sistem khalifah dan menghapuskan ikatan perkauman.

**6 Nelson Mandela dan Soekarno merupakan dua orang tokoh luar negara yang banyak memberi inspirasi perjuangan kemerdekaan kepada nasionalis di negara kita.**

**(i) Siapakah Nelson Mandela? Apakah erti kemerdekaan menurut beliau?**

**Pejuang** Nelson Rolihlahla Mandela ialah tokoh pejuang kemanusiaan yang membebaskan rakyat Afrika daripada penindasan dasar apartheid di Afrika Selatan.

**Tempur** Nelson Mandela berpendapat bahawa kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas.

**Politik** Kebebasan boleh dicapai melalui politik, bebas daripada perhambaan, kemiskinan dan penderitaan.

**Bersatu** Seluruh rakyat perlulah bersatu dalam satu negara menuju masa depan.

**(ii) Siapakah Soekarno? Apakah erti kemerdekaan menurut beliau?**

**Presiden** Soekarno merupakan Presiden Indonesia pertama, yang berkhidmat selama 22 tahun, dari 1945 hingga 1967 yang memperjuangkan kemerdekaan negara dari Belanda

**Ketua** Merupakan ketua pergerakan nasionalis Indonesia semasa zaman penjajahan Belanda.

**Bebas** Menurutnyanya, kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya.

**Berfikir** Kebebasan ini merangkumi kebebasan untuk berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik. Bodohlah sesuatu bangsa penjajah jika berfikir bangsa yang dijajah itu akan terus didominasi oleh mereka.

**Hilang** Rakyat yang dijajah akan menganggap hilangnya dominasi asing sebagai satu pembebasan.

**Baharu** Kemerdekaan akan membentuk masyarakat baharu yang demokratik tanpa kelas dan kasta.

**7 Banyak takrif merdeka yang boleh diteliti dan diambil iktibar supaya generasi kini dan akan datang terus menjiwai dan mempertahankan kemerdekaan.**

**Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh dipelajari?**

**Beri hujah anda.**

**Pertahan** Mempertahankan negara daripada musuh

**Jamin** Menjamin keamanan negara berkekalan

**Kuasai** Menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan

**Wibawa** Menjadi pemimpin yang berwibawa

**Junjung** Menjunjung perlembagaan negara

**Amal** Mengamalkan sikap toleransi dalam masyarakat

**Lahir** Melahirkan sikap sentiasa berwaspada

**Jaga** Bersama menjaga kedaulatan negara

**Kekal** Mengekalkan kestabilan

**Fikir** Sentiasa berfikiran rasional dan positif

**8 Beberapa tokoh negara kita telah memberikan takrif kemerdekaan.**

**Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dari 1955, dan Perdana Menteri pertama sejak kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 1970.**

**Apakah erti kemerdekaan menurut beliau?**

**Perhentian** Kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat.

**Berkhidmat** Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran

bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan.

- 9 **Tun Temenggung Jugah Anak Barieng adalah pemimpin Sarawak yang pertama dilantik menjadi Menteri dalam Kerajaan Malaysia dengan memegang jawatan Menteri yang menguruskan hal ehwal Sarawak, juga pemimpin pertama Parti PESAKA.**

**Apakah erti kemerdekaan menurut beliau?**

**Keselamatan** Melalui kemerdekaan, keselamatan negeri akan lebih terjamin dan menjadi lebih kuat.

**Sanggup** Penduduk peribumi Sarawak sanggup berkorban demi mempertahankan negara.

**Atasi** Di samping itu, dengan kemerdekaan ini kita dapat mengatasi ancaman komunis.

- 10 **Tun Haji Mohammad Fuad Stephens merupakan Ketua Menteri Sabah yang pertama dan kelima, juga merupakan Yang di-Pertua Negeri Sabah ketiga.**

**Apakah erti kemerdekaan menurut beliau?**

**Keselamatan** Melalui kemerdekaan, keselamatan sosial Borneo Utara dan penduduk peribumi serta generasi selepasnya akan lebih terjamin.

**Usaha** Usaha pembangunan yang pesat berlaku di Persekutuan Tanah Melayu mampu menaikkan semangat baharu masyarakat.

- 11 **Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun.**

**Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh beliau?**

**Kemukakan alasan anda.**

**Semangat** Mengukuhkan semangat patriotik rakyat – kukuh cinta akan negara

**Kukuh** Memperkukuhkan ekonomi negara

**Lahir** Melahirkan modal insan bertaraf dunia

**Kekal** Mengekalkan perpaduan kaum

**Bantu** Membantu menjayakan usaha pembangunan kerajaan

**Elak** Mengelakkan penjajahan bentuk baharu

## **10.2 Persediaan menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara**

- 1 **Kemerdekaan sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat di negara kita. Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri.**

**Apakah persediaan yang diatur bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?**

**Peringkat** Beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri.

**Tubuh** Persediaan ini dibuat melalui penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan.

**Sambutan** Turut diatur ialah upacara sambutan kemerdekaan di setiap negeri.

**Tumpuan** Namun begitu, tumpuan upacara adalah di Padang Kelab Selangor dan Stadium Merdeka.

- 2 **Bagaimanakah hebahan kepada rakyat dilakukan sempena sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara?**

**Ucapan** Pada 8 Julai 1957, Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah berucap dalam Radio Malaya menyeru seluruh rakyat meraikan Hari Kemerdekaan dengan meriah supaya kekal dalam sejarah negara.

**Makluman** Pada 3 Ogos 1957, jam 7:33 pagi, Dato' Abdul Razak Hussein memaklumkan rakyat menerusi Radio Malaya tentang atur cara sambutan kemerdekaan terutama pada tarikh 31 Ogos 1957.

**3 Apakah jawatankuasa yang dibentuk bagi memastikan sambutan kemerdekaan negara berjalan dengan lancar?**

|   |  |
|---|--|
| <b>Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka</b>        | Dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman.                                |
| <b>Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka</b>           | Diketuai oleh Dato' Abdul Razak Hussein.                               |
| <b>Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan</b> | Dipengerusikan oleh H.S. Lee.  |
| <b>Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan</b>    | Ditubuhkan bagi mengutip derma membantu perbelanjaan sambutan merdeka. |

**4 Pada pendapat anda, bagaimanakah perasaan rakyat persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu? Beri alasan anda.**

|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Gembira</b>  | Gembira dapat menyambut merdeka                          |
| <b>Syukur</b>   | Bersyukur negara telah merdeka                           |
| <b>Megah</b>    | Megah sebagai rakyat yang merdeka                        |
| <b>Bangga</b>   | Bangga mempunyai pemimpin berwibawa                      |
| <b>Semangat</b> | Semangat berkobar untuk mempertahankan kedaulatan negara |

**5 Berikut merupakan tugas Jawatankuasa Persediaan Fizikal bagi memastikan sambutan kemerdekaan negara berjalan dengan lancar.**

- Membina Stadium Merdeka
- Membina istana
- Mencadangkan lagu rasmi kebangsaan
- Merekacipta bendera kebangsaan
- Menyediakan Jata Negara
- Memilih bunga kebangsaan

**Apakah prasarana fizikal yang dibina oleh jawatankuasa ini?**

|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Bina</b>     | Prasarana fizikal yang disediakan antaranya termasuklah pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong. |
| <b>Identiti</b> | Sebagai sebuah negara yang akan memperoleh kemerdekaan, penonjolan identiti negara perlu diberikan perhatian oleh jawatankuasa ini.                 |
| <b>Rasmi</b>    | Peletakan batu asas Stadium Merdeka dan upacara perasmian diadakan pada 30 Ogos 1957.   |

**6 Apakah yang anda tahu tentang Stadium Merdeka?**

|                    |  |
|--------------------|--|
| <b>Reka bentuk</b> | Stadium Merdeka yang direka bentuk oleh S. E. Jewkes                           |
| <b>Masa</b>        | Mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan.                              |
| <b>Tempat</b>      | Mempunyai 22 ribu tempat duduk serta 3000 daripadanya tempat duduk berbumbung. |
| <b>Belanja</b>     | Stadium ini menelan belanja 2.5 juta ringgit.                                  |
| <b>Siap</b>        | Stadium ini siap dibina pada 21 Ogos 1957.                                     |

**7 Bagaimanakah lagu rasmi kebangsaan dipilih?**

|                     |  |
|---------------------|--|
| <b>Cadang</b>       | Tunku Abdul Rahman mencadangkan sebuah lagu rasmi kebangsaan dicipta bagi diperdengarkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.                     |
| <b>Jawatankuasa</b> | Sebuah Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan dibentuk dengan dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman dan dibantu oleh Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan). |

|              |  |
|--------------|--|
| <b>Cipta</b> | Lagu Negaraku dicipta sebagai lagu kebangsaan negara.  |
| <b>Asal</b>  | Lagu ini berasal daripada lagu Terang Bulan, lagu negeri Perak yang liriknya ditulis oleh Saiful Bahari. |

**8 Selain daripada lagu Negaraku, Jata Negara dan bunga raya, bendera kebangsaan juga dipilih sebagai lambang negara yang akan digunakan semasa menyambut kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.**

**Apakah yang anda tahu tentang lambang-lambang ini?**

|                           |   |
|---------------------------|---|
| <b>Jata Negara</b>        | Menggunakan Lambang Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1952 iaitu Jata kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1948 - penggunaan Jata Negara kemudiannya diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957.  |
| <b>Bunga raya</b>         | Kementerian Pertanian ditugaskan meninjau pendapat rakyat untuk menentukan bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan – akhirnya bunga raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan.   |
| <b>Bendera kebangsaan</b> | Menggunakan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada - akan dijadikan bendera kebangsaan - reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah, kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor - bendera Persekutuan mula dikibarkan dengan rasminya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor. |

**9 Bagi memastikan detik sambutan kemerdekaan ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri melalui penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan.**

**Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan?**

|                |   |
|----------------|---|
| <b>Meriah</b>  | Jawatankuasa ini berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri.                                    |
| <b>Hias</b>    | Bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu.   |
| <b>Pintu</b>   | Pintu-pintu gerbang dibina dan dihiasi dengan sinaran lampu yang berwarna-warni   |
| <b>Bendera</b> | Sebanyak 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu turut ditempah khas dari kilang kain di Jepun dan dibawa dengan kapal laut. |

**10 Jelaskan suasana persediaan yang dilaksanakan dalam usaha memeriahkan sambutan pemasyhuran kemerdekaan.**

**(i) Pakaian khas**

|                |  |
|----------------|--|
| <b>Menteri</b> | Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas ilham Tunku Abdul Rahman sendiri.  |
| <b>Baju</b>    | Sejenis pakaian dari negeri Kedah, iaitu “baju muskat” diubah suai lengkap dengan seluar satin hitam dan bersongket, bersamping dan tengkolok yang direka untuk menteri. |

**(ii) Kursus khas protokol**

|                |   |
|----------------|---|
| <b>Anjur</b>   | Kerajaan menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol yang diikuti oleh sebanyak 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari. |
| <b>Pegawai</b> | Mereka bertindak sebagai pegawai penerangan dan pegawai pengiring tetamu serta pegawai jemputan luar negara.                        |

**(iii) Gaji seminggu awal**

|              |  |
|--------------|--|
| <b>Beri</b>  | Selain itu, semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal untuk memberikan peluang menyambut kemerdekaan. |
| <b>Tiket</b> | Sambutan kemerdekaan dinantikan oleh rakyat sehinggakan semua tiket Keretapi Tanah Melayu di pantai timur habis ditempah.            |

**habis** Begitu juga dengan tiket bas habis ditempah.  
Semua pihak pada peringkat pusat mahupun negeri memberikan kerjasama dan bersatu hati untuk menjayakan hari merdeka.

**11 Sekiranya anda salah seorang yang berpeluang terlibat dalam sambutan tersebut, apakah yang akan anda lakukan? Beri hujah anda.**

**Ahli** Menjadi ahli dalam jawatankuasa yang dibentuk  
**Cipta lagu** Menyertai pertandingan mencipta lagu rasmi kebangsaan  
**Cipta bendera** Menyertai pertandingan mencipta bendera negara  
**Bunga** Memberi pendapat berkaitan bunga yang perlu dipilih sebagai bunga kebangsaan  
**Hias** Melibatkan diri dalam kumpulan yang menghias bangunan, jalan raya  
**Kursus** Menyertai kursus berkaitan protocol yang dianjurkan kerajaan  
**Hadir** Menghadiri upacara sambutan kemerdekaan di Stadium Merdeka

**12 Kemerdekaan sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat di negara kita. Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat negeri. Bagaimanakah persiapan yang dilakukan di negeri Kedah?**

**Tabur Kecil** Petani di Kedah akan menabur bunga emas dan perak dalam perayaan kemerdekaan. Bunga emas dan bunga perak yang berbentuk kecil sebagai bunga lawang akan ditabur pada majlis perjumpaan beramai-ramai penanam padi dan ahli Syarikat Kerjasama Kedah Utara.  
**Jaya Harapan** Tujuan menjayakan kemerdekaan Tanah Melayu. Tindakan ini dibuat dengan harapan benih-benih padi ini akan tumbuh dengan subur sebagai bunga-bunga emas dan perak serta kehidupan petani akan lebih makmur.  
**Tempah Akhbar** Bagi tujuan tersebut, hampir 30 tahlil emas dan perak ditempah untuk ditaburkan. Berita ini dimuatkan dalam akhbar Utusan Melayu, 29 Ogos 1957.

**13 Selain Kedah, negeri-negeri lain juga membuat persiapan dengan matlamat yang sama. Terangkan aktiviti sambutan sebagai persediaan menyambut kemerdekaan yang dilakukan mereka.**

**Kangar, Perlis** Rumah-rumah dan kedai yang dihias sempena sambutan Hari Kemerdekaan akan diberikan hadiah - turut diadakan majlis memberikan makanan kepada kanak-kanak, di samping pertunjukan kesenian dan kebudayaan - pada 31 Ogos, syarikat-syarikat bas di Kedah dan Perlis mengeluarkan hadiah kepada semua pekerjanya termasuk yang sedang bercuti - seramai 600 pekerja bas menerima \$6 seorang pada hari tersebut.

**Pulau Pinang** Diadakan upacara menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu dan menurunkan Union Jack, di samping bacaan doa selamat dan kesyukuran di masjid-masjid serta Kenduri Merdeka kepada golongan miskin - turut diadakan acara wayang gambar percuma, pembacaan sajak dan pancaragam bagi menyambut kemerdekaan - ucapan tahniah dan kesyukuran dibuat dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

**Perak** Acara perbarisan kanak-kanak sekolah, pengakap dan St. John Ambulans diadakan, di samping peraduan menyanyi, tarian orang darat, zapin, ronggeng, bersilat, wayang kulit dan sandiwara - tujuh buah sekolah di Parit, Perak, mengadakan sukan, perlawanan bola sepak dan pada malam harinya acara aneka warna - kerajaan Perak juga membenarkan orang ramai memalu tabuh atau gendang raya dan ketuk-ketuk selama 10 minit di masjid dan madrasah di kampung seluruh negeri Perak pada tengah malam 30 Ogos sempena menyambut Hari Merdeka.

**Melaka** Diadakan sembahyang kesyukuran serta bacaan al-Quran dan berzanji - hadiah juga akan diberikan kepada kanak-kanak yang dilahirkan pada 31 Ogos 1957 antara jam 12.05 tengah malam hingga 6 petang - wang sebanyak \$180 diberikan kepada

golongan miskin yang melahirkan anak di Hospital Melaka, Alor Gajah dan Jasin - kerajaan turut diminta mengubah nama-nama jalan dan membaiki tempat-tempat bersejarah.

**Johor**

Pintu-pintu gerbang dipasang lampu dan perbelanjaan \$40 000 diperuntukkan untuk menjamu golongan miskin, mengadakan hiburan, temasya sukan laut dan pertunjukkan bunga api - Peraduan Ratu Kebaya diadakan, di samping persembahan lagu Melayu asli dan lakonan pentas - jamuan besar-besaran juga diadakan bagi meraikan Tunku Abdul Rahman sebagai tanda penghormatan - turut dicadangkan acara Pengisytiharan Kemerdekaan di Segamat yang dibaca dalam empat bahasa. Disiapkan 28 buah rebana istimewa yang diperbuat daripada batang kelapa dan dihias dengan perkataan Merdeka dalam huruf Jawi dan Rumi - sembahyang hajat turut disempurnakan - perarakan nasi kunyit dan permainan tradisional seperti wayang kulit, menora, makyung, dikir barat dan gasing turut diadakan.

**Kota Bharu,  
Kelantan,**

**Terengganu**

“Pesta Merdeka” akan diadakan selama empat hari berturut-turut mulai 31 Ogos dengan pertunjukan joget moden, rodan, boria, wayang kulit, bangsawan dan makyung - jalan raya sejauh 10 batu dihias dengan bendera dan lampu - tiga jenis semboyan dibunyikan serentak pada malam 30 Ogos. Tabuh Masjid Besar Sultan Zainal Abidin dipalu, semboyan fire station dibunyikan dan genta di Bukit Puteri diketuk.

**Rembau,  
Negeri Sembilan**

Penduduk mengadakan kenduri dan bacaan doa selamat – turut diadakan ialah istiadat barisan kehormat disusuli dengan Pengisytiharan Kemerdekaan dan pada malamnya majlis doa selamat dan jamuan diadakan - perayaan juga diserikan dengan sukan padang serta pesta kesenian dan kebudayaan.

**Samantan, Pahang,**

Perayaan merdeka disambut dengan mengadakan pertandingan sukan darat dan sungai, jamuan makan dan tarian ronggeng - Dato’ Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran merasmikan upacara ini – rombongan Pengakap dari Kuala Lipis, Pahang, mengadakan lawatan ke selatan Tanah Melayu dan berada di Kuala Lumpur kemudiannya bagi meraikan Sambutan Hari Kemerdekaan.

**14 Apakah yang anda lakukan ketika menyambut Hari Kebangsaan negara kita pada setiap tahun? Beri penjelasan anda.**

- Kibar** Mengibar Jalur Gemilang
- Perarakan** Menyertai perarakan hari kebangsaan
- Bicara** Menyertai aktiviti bicara tokoh kemerdekaan
- Larian** Menyertai aktiviti larian kemerdekaan
- Pameran** Menghadiri pameran kemerdekaan
- Kuiz** Menyertai kuiz kemerdekaan
- Tonton** Menonton filem-filem berkaitan patriotisme
- Pertandingan** Menyertai pertandingan lagu-lagu patriotik

**10.3 Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara**

**1 Upacara sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara merupakan detik bersejarah yang dinantikan setelah melalui perjalanan yang panjang menuju kemerdekaan. Bagaimanakah suasana yang berlaku pada malam sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara?**

- Rai** Permulaan sambutan diraikan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.
- Penuh** Menjelang tengah malam 30 Ogos 1957, jalan sekitar bandar Kuala Lumpur dipenuhi kenderaan.
- Sesak** Jalan sesak dengan kereta, bas, beca, basikal serta pejalan kaki menuju ke Padang Kelab Selangor.

**Meriah** Suasana malam penuh meriah diterangi lampu hiasan dan kedai dibuka sehingga larut malam.

**2 Terangkan apa yang berlaku pada malam 30 Ogos 1957 sempena sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara.**

**10:00 malam** Wakil Parti Perikatan dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura berpakaian baju Melayu hitam diketuai oleh Sardon Jubir mengambil tempat duduk.

**10:30 malam** Sebanyak 300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat mengambil tempat di tengah padang menghadap Jalan Raja (menara jam). Perbarisan ini diketuai oleh Ismail Bontak.

**11:58 malam** Semua lampu di padang dan di sekelilingnya dipadamkan sehingga seluruh kawasan menjadi gelap gelita.

**12:00 tengah malam** Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi menandakan detik 12:00 tengah malam dan diikuti dengan laungan "Merdeka" oleh orang ramai.

- Kemudian, Tunku Abdul Rahman dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera.
- Seterusnya, bendera Union Jack mula diturunkan oleh Tahir Abdul Majid dengan diiringi lagu God Save The Queen yang dimainkan sebagai tanda berakhirnya pentadbiran British di Tanah Melayu.
- Bendera Union Jack diturunkan dan disambut dengan tepukan dan laungan "Merdeka".
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudian dinaikkan dengan diiringi lagu Negaraku yang diperdengarkan buat kali pertama kepada umum pada malam bersejarah itu.
- Sorakan "Merdeka" dilaungkan sebanyak tujuh kali.
- Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat semasa bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.

**12:10 tengah malam** Tunku Abdul Rahman menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan perwakilan negeri.

- Beliau kemudiannya mengambil tempat di atas pentas.
- Pasukan Pemuda Perikatan seramai 24 orang yang diketuai oleh Abdul Majid Othman tampil membawa dulang berisi rantai emas yang tergantung padanya sebutir Pingat Emas.
- Pingat ini berukir peta Semenanjung Tanah Melayu serta gambar Tunku Abdul Rahman di dalam peta itu. Di tepi bulatan peta, ditulis perkataan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air", gelaran yang diberikan kepada Tunku Abdul Rahman.
- Rantai emas dikalungkan oleh Sardon Jubir ke leher Tunku Abdul Rahman diikuti dengan laungan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" sebanyak tiga kali.

**12:25 tengah malam** Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan dengan penuh semangat.

**12:55 tengah malam** Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati.

**3 Gelaran Bapa Kemerdekaan Tanah Air yang diberikan kepada Tunku Abdul Rahman merupakan satu tindakan yang tepat.**

**Ulasakan.**

**Jasa** Jasa dan pengorbanan memerdekakan negara – layak dapat penghargaan tertinggi negara

**Kesan** Meninggalkan banyak kesan kepada kehidupan masyarakat

**Semangat** Semangat dan peribadi yang disukai ramai – pentingkan perpaduan kaum – pentingkan

|                  |   |
|------------------|---|
|                  | pendidikan rakyat   |
| <b>Prihatin</b>  | Sentiasa prihatin terhadap rakyat – murah hati  |
| <b>Kebajikan</b> | Menjaga kebajikan rakyat dalam apa jua situasi  |
| <b>Bina</b>      | Mencadangkan pembinaan Masjid Negara berdekatan stesen kereta api – rakyat jauh boleh berteduh                    |
| <b>Budaya</b>    | Membudayakan aktiviti kerajaan untuk menyatupadukan rakyat  |
| <b>Inspirasi</b> | Memberi inspirasi kepada setiap rakyat untuk bekerjasama, berkolaborasi dan berjuang untuk negara yang lebih baik |
| <b>Cintai</b>    | Seorang yang mencintai keamanan – bencikan pertumpahan darah – suka berunding                                     |

**4 Pada pagi 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, upacara sambutan kemerdekaan diadakan dengan gemilang.**

**Jelaskan suasana yang berlaku pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.**

|                  |  |
|------------------|--|
| <b>Perarakan</b> | Perarakan barisan pasukan tentera dan orang ramai dianggarkan berjumlah 20 ribu orang membanjiri stadium.  |
| <b>Awal</b>      | Mereka datang seawal pukul 6:00 pagi.  |
| <b>Hujan</b>     | Walaupun hujan turun pada awalnya, mereka tidak berganjak menantikan saat yang menggembirakan.   |
| <b>Raja</b>      | Di atas pentas, kelihatan Raja-raja Melayu dan wakil Queen Elizabeth II, iaitu Duke of Gloucester serta beberapa pegawai tinggi British dipayungi oleh biduanda. |

**5 Terangkan perjalanan atur cara majlis yang berlaku sepanjang hari pada 31 Ogos 1957 di Stadium merdeka.**

|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Tiba</b>     | Tunku Abdul Rahman tiba di pekarangan stadium dan disusuli dengan ketibaan Raja-raja Melayu, Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri serta Duke dan Duchess of Gloucester. |
| <b>Nafiri</b>   | Kedengaran bunyi nafiri pada setiap kali pembesar negara tiba.  |
| <b>Ucapan</b>   | Duke of Gloucester yang mewakili kerajaan British telah memberikan ucapan dan menyerahkan Surat Perlembagaan.   |
| <b>Serahan</b>  | Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman. Kemudian nafiri dimainkan.   |
| <b>Baca</b>     | Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan bagi mengisytiharkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kedaulatan.                            |
| <b>Laung</b>    | Dengan tangan di udara, Tunku Abdul Rahman melaungkan “MERDEKA” sebanyak tujuh kali dengan gemanya dan disahut oleh para hadirin yang terdiri daripada pelbagai bangsa. |
| <b>Azan</b>     | Kemudian, disusuli dengan laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari yang sayup kedengaran menandakan rasa kesyukuran terhadap kemerdekaan negara kita.                      |
| <b>Naik</b>     | Majlis diteruskan dengan menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu sambil diiringi lagu kebangsaan, iaitu Negaraku.  |
| <b>Tembakan</b> | Sebanyak 101 das tembakan dilepaskan menandakan Persekutuan Tanah Melayu menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.  |
| <b>Angkat</b>   | Istiadat Mengangkat Sumpah Yang di-Pertuan Agong yang diadakan di Balairong Seri, Istana Negara.  |
| <b>Lantik</b>   | Upacara ini kemudian, disusuli dengan pelantikan jawatan Perdana Menteri, Ahli Jemaah Menteri, Hakim Besar serta Gabenor Pulau Pinang dan Melaka.                       |
| <b>Jamuan</b>   | Majlis jamuan di Residen diadakan bagi mengucapkan selamat jalan kepada bekas Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray.                                      |
| <b>Lepas</b>    | Sir Donald MacGillivray dan isteri berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur ke England.  |
| <b>Hormat</b>   | Beliau diberikan penghormatan dengan permaidani merah dan barisan kehormat oleh   |

- 6 Kemerdekaan yang sebelum ini diperjuangkan dengan pelbagai cara, akhirnya diperolehi melalui rundingan. Oleh sebab itu, kita haruslah menghargai perjuangan yang dilakukan secara muafakat tanpa pertumpahan darah.**

**Mengapakah semangat perjuangan pemimpin silam di negara kita wajar dicontohi?**

**Kemukakan hujah anda.**

- Setia** Mempunyai semangat setia negara yang tinggi – sanggup berkorban untuk negara – sayang dan cinta akan negara – menyertai pasukan keselamatan negara seperti polis atau tentera – wajar dicontohi kerana melalui semangat setia negara yang tinggi, kita akan dapat memupuk semangat patriotik dalam diri
- Berani** Memiliki sikap berani – berani menuntut hak – memperjuangkan nasib bangsa – bersuara lantang dalam persidangan dunia – membela nasib negara tertindas seperti Palestine dan Syria
- Perpaduan** Mengamalkan semangat perpaduan – pemimpin Melayu dan pemimpin bukan Melayu – UMNO MIC MCA – bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama – perjuangan mencapai kemerdekaan negara – perpaduan mewujudkan kecemerlangan negara – mampu stabilkan ekonomi dan keselamatan negara – hidup rakyat lebih harmoni dan terjamin

- 7 Semangat merdeka turut dirasai oleh rakyat Tanah Melayu yang berada di luar negara. Sambutan kemerdekaan diadakan di Britain, Indonesia, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Filipina, Burma dan Rusia.**

**Apakah yang berlaku di Indonesia pada 31 Ogos 1957?**

- Dua hari** Di Indonesia, perayaan selama dua hari diadakan secara besar-besaran di beberapa bandar termasuklah Palembang, Bandung, Surabaya, Jogjakarta dan Jakarta.
- Radio** Radio Republik Indonesia menyiarkan ucapan hari merdeka selama lapan malam berturut-turut bermula 22 Ogos.

- 8 Bagaimanakah suasana sambutan kemerdekaan di London?**

- Trafalgar** Di London, perayaan sambutan kemerdekaan diadakan di Trafalgar Square pada pagi 31 Ogos 1957.
- Bendera** Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di Malaya House selepas Pengisytiharan Kemerdekaan dibaca oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di United Kingdom, Encik Nik Ahmad Kamil.
- Sambutan** Sambutan besar-besaran yang bermula sejak 26 Julai, berlangsung selama 36 hari.

- 9 Sebagai generasi muda, apakah langkah yang boleh anda lakukan untuk mempertahankan kemerdekaan negara yang sedang kita kecapai sekarang ini?**

**Beri penjelasan anda.**

- Hormat** Menghormati pemimpin negara
- Jaga** Menjaga kerahsiaan negara
- Amal** Mengamalkan prinsip Rukun Negara
- Perkasa** Memperkasakan bahasa kebangsaan
- Terima** Menerima perbezaan antara kaum
- Kukuh** Mengukuhkan nilai-nilai murni – berpegang teguh ajaran agama – jadikan sebagai amalan hidup seharian – saling menghormati
- Belajar** Belajar dengan bersungguh-sungguh – menjadi rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi – tenaga kerja pakar dalam pelbagai bidang

## **10.4 Kesan Kemerdekaan Terhadap Negara Kita**

- 1 Kemerdekaan yang diperoleh memberikan kesan terhadap negara kita terutamanya melalui penglibatan negara kita di dalam dan di luar negara sama ada dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial.**

**Nyatakan kesan kemerdekaan dari aspek politik.**

Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan

Demokrasi Berparlimen

Pentadbiran negara

Cabaran Kerajaan Persekutuan

- 2 Terangkan kesan kemerdekaan terhadap politik negara kita.**

**(i) Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan**

**Amal** Setelah merdeka, negara kita mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan.

**Ketua** Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu

**Majlis** Majlis Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang pertama pada 2 September 1957.

**(ii) Demokrasi Berparlimen**

**Kuasa** Dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen, rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya.

**Hak** Memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara.

**Gubal** Hasil kemerdekaan yang dicapai membolehkan parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan.

**Dewan** Pada peringkat negeri pula, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang.

**Kesan** Menjadikan undang-undang lebih berkesan dan mampu memakmurkan negara.

**(iii) Pentadbiran Negara**

**Pertama** Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

**Lantik** Beliau mengekalkan ahli kabinet yang ada dan membuat perubahan dengan melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri

**Menteri** Buat kali pertama dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu mempunyai seorang Menteri

**Luar** Luar sebagai tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara

**Sandang** Jawatan ini disandang oleh Tunku Abdul Rahman.

**(iv) Cabaran Kerajaan Persekutuan**

**Ganti** Untuk menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan, khususnya dalam bidang profesional, pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan.

**Komitmen** Tunku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak Hussein memberikan komitmen yang tinggi bagi melaksanakan penggantian ini secara berperingkat dengan melantik rakyat tempatan dalam pelbagai bidang.

- 3 Cadangkan cara anda menghargai peranan dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan negara. Beri hujah anda.**

**Sambut** Mengadakan sambutan hari pahlawan

**Lawatan** Lawatan ke muzium

**Tanding** Pertandingan di peringkat sekolah

**Filem** Membuat filem berkaitan tokoh negara

|                  |  |
|------------------|--|
| <b>Nama</b>      | Abadikan nama pada bangunan, sekolah, jalan raya                                 |
| <b>Beri</b>      | Pemberian geran, hadiah, pencen  |
| <b>Anugerah</b>  | Mengadakan Anugerah tokoh terbilang negara                                       |
| <b>Kebajikan</b> | Menjaga kebajikan tokoh – membela kehidupan mereka – mengelakkan kesusahan hidup |

**4 Sebagai negara yang mencapai kemerdekaan, negara kita mula memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel.**

**Bagaimanakah dasar luar negara kita dilaksanakan?**

|               |  |
|---------------|--|
| <b>Kukuh</b>  | Kerajaan memberikan perhatian melalui pengukuhan Kementerian Luar.   |
| <b>Hantar</b> | Pada awal tahun 1957, kumpulan pertama pegawai dihantar ke Britain untuk mendapatkan latihan.  |
| <b>Tokoh</b>  | Antara tokoh yang berperanan penting dalam usaha menentukan dasar luar negara termasuklah Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie dan Dr. Ismail Abdul Rahman yang pernah dilantik menjadi Menteri Luar. |
| <b>Jalin</b>  | Negara kita juga menjalinkan hubungan dengan negara luar seperti Indonesia, India, Australia, New Zealand, Mesir dan Jepun.  |

**5 Mengapakah negara kita menganggotai Komanwel?**

|                 |  |
|-----------------|--|
